

16 MAY 2003

Mahathir-PBRS

PBRS TIDAK DILUPAKAN SEMASA PILIHAN RAYA AKAN DATANG

KENINGAU, 16 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata parti-parti kecil dalam Barisan Nasional (BN), termasuk Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) tidak akan dilupakan semasa pilihan raya akan datang.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata peranan parti-parti kecil dalam BN penting untuk sama-sama membangunkan negara demi kebaikan rakyat.

"PBRS memanglah parti yang kecil tetapi dalam BN terdapat banyak parti-parti yang kecil. Kita tidak kurang menghargai peranan parti-parti yang kecil seperti PBRS.

"Saya percaya rakyat di Sabah terutamanya di pedalaman akan terus memberi sokongan kepada PBRS dan apabila rakyat memberi sokongan, sudah tentulah BN tidak akan lupa kepada PBRS," katanya ketika berucap merasmikan Kongres PBRS ke-8, di Dewan Masyarakat Keningau, di sini hari ini.

Sebelum itu, dalam ucapan aluannya, Presiden PBRS Tan Sri Joseph Kurup berharap "PBRS tidak dilupakan dan seterusnya diberi peluang untuk bertanding pada pilihan raya akan datang.

Perdana Menteri berkata sejak BN memerintah negara ini, ia telah membuktikan kemampuannya untuk membawa pembangunan, keamanan dan kesejahteraan kepada rakyat tanpa mengira kaum dan agama.

"Inilah konsep BN iaitu kita menggabungkan banyak parti dan membentuk satu barisan yang bergerak bersama-sama untuk menjayakan wawasan negara.

"Terdapat parti-parti yang mewakili semua kaum...dan tidak ada kaum yang ditindas dalam BN. Semua kaum mempunyai tempat dalam BN dan kerjasama antara kaum-kaum inilah yang telah menjayakan pembangunan negara," katanya.

Dr Mahathir berkata terdapat parti politik yang hanya bersandarkan perasaan benci dan marah kepada kerajaan untuk mendapat tempat sebagai wakil rakyat.

"Saya bersyukur kerana PAS tidak mendapat sokongan daripada rakyat Sabah," kata Dr Mahathir.

"Ada beberapa orang PAS dari Semenanjung yang datang bekerja di sini, dan mereka ini tidak ada lain, melainkan menyemai perasaan benci terhadap kerajaan. Apa yang mereka boleh buat untuk membela rakyat...tidak ada satupun," katanya.

Dr Mahathir berkata tidak ada pembangunan yang baru bagi negeri-negeri yang dahulunya diperintah oleh kerajaan BN dan kini dikuasai parti PAS seperti Kelantan dan Terengganu.

"Walaupun, mereka mendakwa memerintah secara Islam, namun kes-kes rogol termasuk anak sendiri kebanyakan berlaku di negeri berkenaan kerana mereka tidak cekap memerintah.

"Apa gunanya PAS berhajat membentuk negara Islam melainkan kalau dia (PAS) berhajat untuk melucutkan hak orang bukan Islam," katanya.

Oleh itu, Dr Mahathir meminta rakyat Sabah supaya menolak parti pembangkang khususnya PAS pada pilihan raya akan datang.

-- BERNAMA

NT LAT